

06/10/1998

CGT wujudkan pasaran saham stabil

CADANGAN kerajaan untuk memperkenalkan cukai keuntungan modal (CGT) terhadap urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), terutama dagangan kontra, boleh membantu ke arah mewujudkan pasaran saham yang stabil di samping menyumbang pendapatan kepada kerajaan.

Penganalisis Kuala Lumpur Securities Sdn Bhd, Nizam Zakaria, berkata CGT bukan suatu amalan asing di pasaran saham kerana ia sudahpun dilaksanakan di beberapa negara luar, termasuk United Kingdom.

Menurutnya, antara lain CGT dapat 'mendidik dan mendorong' pemain pasaran untuk menjadi pelabur jangka panjang, sekali gus membantu melahirkan lebih ramai pelabur tulen, bagi mengurangkan kegiatan spekulasi dan ketidaktentuan di pasaran saham.

Beliau berkata, melalui peraturan cukai itu, pelabur tidak boleh sewenang-wenangnya menjual saham (seperti diamalkan pelabur kontra) kerana mereka dikehendaki memegangnya bagi tempoh tertentu untuk mendapat faedah dari segi percukaian.

"Lazimnya lebih lama sesuatu saham itu dipegang, semakin kurang atau juga mungkin tiada langsung cukai perlu dibayar ke atas keuntungan modal yang mereka perolehi daripada penjualan saham."

"Cukai seumpama ini sudahpun dipraktikkan dalam sektor hartanah iaitu menerusi cukai keuntungan modal ke atas harta yang dijual," katanya sambil menambah suatu kebaikan ketara CGT ke atas urus niaga saham ialah ia menyumbangkan pendapatan kepada kerajaan.

Baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan cukai keuntungan modal terhadap dagangan kontra, sebagai tambahan kepada kawalan tukaran asing yang diumumkan sebelum ini.

Menurut Perdana Menteri, dagangan kontra dikenal pasti sebagai salah satu masalah yang menyebabkan berlakunya ketidaktentuan dalam pasaran saham negara.

Dagangan kontra adalah pembelian saham tanpa bayaran terlebih dahulu dengan penjelasan bayarannya hanya selepas tempoh lima hari dagangan.

Jika seseorang pelabur membeli saham secara kontra dan menjualnya sebelum tempoh lima hari itu, beliau meraih keuntungan tanpa membuat sebarang pembayaran jika saham itu naik harga.

Bagaimanapun, Nizam menegaskan, dalam kes dagangan kontra, selain mengenakan CGT dan bagi bertindak adil, kerajaan juga perlu memikirkan 'offset' kepada pelabur yang mengalami kerugian.

"Ini bermakna, jika kerajaan mengenakan cukai terhadap keuntungan yang diperolehi pelabur, ia (kerajaan) juga perlu menyediakan imbuhan kepada yang mengalami kerugian," katanya pengenalan CGT pasti tidak disenangi pelabur kerana keuntungan kontra mereka akan dikenakan cukai.

Ketua Penganalisis SJ Securities Sdn Bhd, Peter Lim, berkata walaupun tidak berapa disenangi pelabur, CGT ke atas urus niaga di BSKL masih lagi boleh diterima kerana ia diibaratkan seperti pelaksanaan levi untuk perniagaan lain.

"Pelabur mungkin tidak kisah dengan pelaksanaan CGT. Cuma yang mereka tidak suka ialah ia membabitkan kerja rumit terutama dalam bentuk dokumen yang perlu dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LDHN) untuk pengiraan cukai terbabit," katanya sambil menambah CGT adalah sumber pendapatan kepada kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak nampak CGT perlu dilaksanakan ke

atas dagangan kontra kerana kawalan tukaran asing yang diperkenalkan Bank Negara sudah memadai menangani spekulasi serta mengurangkan ketidakpastian di pasaran.

(END)